DATE: **05 FEBRUARY 2014 (WEDNESDAY)**

MEDIA: **THE STAR – MYANMAR REFUSES TO TAKE BACK NABBED ILLEGALS- PG. 12**

# Myanmar refuses to take back nabbed illegals

**PUTRAJAYA:** Efforts to deport illegal immigrants from Myanmar, who were arrested in the ongoing *Ops 6P Bersepadu* has hit a bump after their government refused to recognise them.

Immigration director-general Datuk Alias Ahmad said their embassy in Kuala Lumpur also refused to issue travel documents to the illegals.

"How are we to deport them when they do not have travel documents because their own country has refused to recognise them as their citizens.

"These illegals speak the Myanmar language but their government refused to issue them the travel documents and without any travel documents, we cannot just push them out (of the country)," he told reporters after handing over his duty to the department's deputy director-general Aloyah Mamat yesterday.

Alias has been appointed Domestic Trade, Cooperative and Consumerism Ministry secretary-general with Aloyah now heading the Immigration Department.

Both start their duties today.

Alias added that there were about 500 illegal immigrants from Myanmar in the detention centres caught in the situation and the department was working with Wisma Putra to resolve the problem.

DATE: **05 FEBRUARY 2014 (WEDNESDAY)**

MEDIA: **BERITA HARIAN – 3,000 PENDATANG DIUSIR SEJAK JANUARI- PG. 21**

BH 5 FEBRUARI 2014 @ RABU

# 3,000 pendatang diusir sejak Januari

» *Kedutaan asing enggan keluar dokumen perjalanan pulang*

**Oleh Irwan Shafrizan Ismail dan Badrul Kamal Zakaria**
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya**

Kira-kira 3,000 pendatang asing tanpa izin diusir dari negara ini sejak Operasi Bersepadu 6P dimulakan pada 21 Januari lalu.

Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Seri Alias Ahmad, berkata pengusiran dilakukan setiap minggu, bergantung kepada pengeluaran dokumen perjalanan oleh kedutaan negara asal.

"Proses pengusiran dilakukan berterusan bergantung kepada kepantasan pengeluaran dokumen oleh kedutaan negara pendatang.

"Ada penghantaran pulang yang tidak dapat dibuat segera berikutan kekangan mendapatkan dokumen perjalanan, manakala ada negara tidak mengakui pendatang ditahan sebagai rakyat mereka dan enggan mengeluarkan dokumen perjalanan pulang.

"Contohnya, Myanmar. Kita sudah memaklumkan perkara ini kepada Wisma Putra dan perbincangan giat dibuat supaya negara berkenaan mengeluarkan dokumen perjalanan kepada rakyat mereka, di kalangan etnik Rohingya, Kachin, Chin dan Mon," katanya.



***Alias menyampaikan Nota Serah Tugas kepada Aloyah (kiri)*** *di Putrajaya, semalam.* [FOTO FARIZ ISWADI ISMAIL/BH]

Beliau berkata demikian selepas majlis Menandatangani dan Penyerahan Nota Serah Tugas dengan Ketua Pengarah Imigresen baru, Datuk Aloyah Mamat, di sini semalam.

Alias dilantik sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, manakala Aloyah sebelum ini adalah Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) Jabatan Imigresen.

Beliau berkata, 13 majikan turut ditahan kerana menggaji pendatang dan akan didakwa mengikut Akta Imigresen dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963, selain Akta Anti Pemerdagangan Orang dan Anti Penyeludupan Migran 2007.

**58 pendatang ditahan**

Di **Kota Tinggi**, Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah Dua Johor menahan 58 pendatang warga Indonesia termasuk kanak-kanak dua tahun, ketika cuba menyusup keluar menerusi Pantai Tanjung Lompat, Bandar Penawar.